



METODOLOGI DATO' ISMAIL BIN HASHIM DALAM PENGAJARAN TARANNUM AL-QURAN DI MALAYSIA

[METHODOLOGY OF DATO 'ISMAIL BIN HASHIM IN TEACHING TARANNUM AL-QURAN IN MALAYSIA]

MOHAMAD ALWI AB RAHMAN,¹ MOHD SHOLEH SHEH YUSUFF,¹ ALI OMAR SALEM BALAGEM,¹
SUMAIYAH RAMLI¹ & YUSUF OTHMAN ^{1*}

^{1*} Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah International Islamic University, 09300 Kuala Ketil, Kedah, Malaysia.
E-mail: alwi@unishams.edu.my

Received: 19 December 2020

Accepted: 2 February 2021

Published: 15 February 2021

Abstrak: Kajian ini memfokuskan kepada seorang tokoh tarannum al-Quran yang masyhur di Malaysia iaitu Dato' Ismail bin Hashim berkaitan metodologi pengajaran tarannum al-Quran. Objektif utama kajian adalah untuk menjelaskan secara ilmiah berkenaan tarannum al-Quran dan metodologi pengajaran tarannum al-Quran oleh tokoh ini, mendedahkan latar belakang tokoh, mengkaji metodologi dalam pengajaran tarannum al-Quran dan menganalisis metodologi pengajaran tarannum al-Quran yang diamalkan oleh tokoh ini. Bentuk kajian yang dilakukan ialah melalui kepustakaan dan lapangan. Hasil kajian mendapati bahawa metodologi pengajaran tarannum al-Quran oleh tokoh ini boleh disimpulkan kepada memfokuskan bahagian praktikal. Namun realitinya tokoh ini mempunyai teknik tersendiri dengan memasukkan metodologi pengajaran yang digabungkan dengan teori dan praktikal dalam sesi pengajiannya. Kajian ini merumuskan bahawa metodologi Dato' Ismail bin Hashim memberi kesan kepada para pelajar berkaitan kemahiran mengolah irama tarannum dengan sentiasa mendengar qari Arab dan lagu klasik Arab. Kesimpulannya, Metodologi pengajaran oleh tokoh ini telah melahirkan para qari dan qariah yang dapat menguasai dengan baik dalam bidang tarannum al-Quran. Hal ini dapat dilihat pencapaian anak didiknya dalam pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan al-Quran sama ada di Malaysia dan di luar Malaysia hingga mengharumkan nama Negara Malaysia di persada Antarabangsa.

Kata kunci: Metodologi, Pengajaran Tarannum, sumber rujukan asal.

Abstract: This study focuses on an important figure in the Qur'an tarannum in Malaysia, Dato' Ismail bin Hashim, who was famous for teaching the Qur'an tarannum. The objective of this study is to examine the Qur'an tarannum and the teaching method of the Qur'an tarannum used by this figure. This research employs library research and field study as the method to achieve the research objective. The finding of this study reveals that the teaching method of the Qur'an tarannum employed by this figure emphasized the aspect of practicality. This figure had his own technique by integrating the theory and practice in his teaching method during his teaching sessions. This study concludes that the method used by Dato' Ismail bin Hashim important influence on his students regarding the skill to adopt the tarannum melody by exposing the students to the Arabic Qur'an reciters and classical Arabic songs. In conclusion, the teaching method used by this figure has produced Qur'an reciters who are able to master the field of the Qur'an tarannum. This is shown by the performance achieved by his students in various activities related to the Qur'an in Malaysia and abroad so much so that Malaysia has been well respected in the global.

Keywords: Dato' Ismail bin Hashim, Qur'an tarannum, tarannum teaching method.

Cite This Article:

Mohamad Alwi Ab Rahman, Mohd Sholeh Sheh Yusuff, Ali Omar Salem Balagem, Sumaiyah Ramli & Yusuf Othman (2021). Metodologi Dato' Ismail bin Hashim dalam pengajaran tarannum al-Quran di Malaysia [Methodology of Dato 'Ismail bin Hashim in teaching tarannum al-Quran in Malaysia]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(1), 101-106.

PENGENALAN

Malaysia adalah sebuah negara yang dihormati serta dipandang tinggi oleh negara-negara lain dalam bidang tilawah al-Quran. Hal ini disebabkan Malaysia merupakan negara pertama di dunia yang menganjurkan Majlis Tilawah al-Quran di peringkat Antarabangsa iaitu pada tahun 1961 (JAKIM 2008.)

Malaysia juga diiktiraf sebagai penganjur terbaik Majlis Tilawah al-Quran oleh penganjur-penganjur majlis yang sama dari negara-negara Islam yang lain seperti Kuwait, Saudi Arabia dan Iran. Melalui penganjuran ini, martabat dan syiar Islam telah tersebar luas keseluruh negeri-negeri di Malaysia. Ini selaras dengan matlamat serta harapan yang disuarakan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Beliau berharap penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa akan menjadikan Malaysia sebagai negara contoh untuk negara-negara Islam yang lain demi mengangkat imej Islam sebagai agama yang teragung di dunia (Anuar Hasin 2018.)

Harapan beliau menjadi kenyataan apabila lahirnya ramai qari dan qariah yang mempunyai bakat yang sangat hebat dan menaikkan nama Malaysia di persada Antarabangsa. Nama-nama besar di dalam arena tilawah di Malaysia seperti Dato' Haji Ismail bin Hashim, Haji Maasom Pergau, Dato' Hajjah Faridah binti Mat Saman, Hajjah Rahmas binti Abdullah, dan Hajjah Rogayah Sulong telah berjaya mengharumkan nama Malaysia dalam bidang pembacaan al-Quran apabila mereka telah dinobatkan sebagai johan beberapa kali dalam musabaqah yang dianjurkan (JAKIM 2008.)

Beberapa orang qari yang masih muda juga berjaya mengharumkan nama negara dalam majlis Tilawah al-Quran yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, antaranya ialah Abdullah Fahmi bin Che Ahmad, Tirmizi bin Ali, Amirrahman bin Abbas, Sharifah Khasif Syed Badiu'zzaman, Anuar bin Hasin dan beberapa orang lagi yang berjaya membawa nama Malaysia ke seluruh dunia untuk lebih dikenali (Ismail Endot 2019.)

LATAR BELAKANG TOKOH

Nama penuh beliau ialah Ismail bin Hashim. Beliau dilahirkan pada 4 Disember 1935 di Seberang Perak Alor Setar Kedah. Beliau merupakan anak ketiga daripada Sembilan adik beradik. Kesemua adik beradiknya mempunyai bakat suara yang merdu dalam pembacaan al-Quran namun hanya Ismail Hashim sahaja bakatnya terserlah hingga ke peringkat Antarabangsa. Beliau mula melibatkan diri dalam bidang tarannum al-Quran seawal usia 10 tahun. Kehebatan bacaan beliau terserlah apabila menjuarai pertandingan Tilawah al-Quran Semalaya anjuran Liga Muslim di Teluk Anson, Perak pada tahun 1956. Beliau juga antara qari tunggal yang pernah mencapai tahap kecemerlangan dalam bidang tarannum al-Quran kerana pernah merangkul juara musabaqah peringkat kebangsaan sebanyak 9 kali dan peringkat Antarabangsa sebanyak 7 kali (Arkib Malaysia 2019.)

Beliau juga merupakan anak melayu pertama yang memperdengarkan bacaan al-Quran secara langsung yang disiarkan melalui radio dan televisyen di luar negara seperti Mesir dan Sudan. Dalam bacaan al-Quran ini beliau juga diberi pengiktirafan oleh kerajaan apabila dikurniakan beberapa pingat JSM, AMN, SDK, PCK dan PJK (Arkib Malaysia 2019.)

Pendidikan beliau bermula di Sekolah Melayu Kedawang, Langkawi Kedah sehingga darjah 3. Kemudian meneruskan lagi ke Sekolah Melayu Ayer Hitam, Kedah sehingga darjah

5. Akhir sekali, beliau melanjutkan pengajian di Sekolah Agama maktab Mahmud Alor Setar Kedah pada tahun 1947 bermula dengan kelas persediaan hingga darjah 8. Beliau hanya lulus SRP sahaja dan bukanlah menjadi pelajar cemerlang seperti kebanyakan sahabat-sahabat yang lain. Namun berkatnya yang sentiasa mendampingi al-Quran dalam kehidupannya namanya disebut-sebut hingga kini kerana dengan memasuki Musabaqah Tilawah Al-Quran bermula daripada peringkat yang paling rendah hingga peringkat paling tinggi (Mustafa Ismail 2019.)

Beliau mendalami ilmu al-Quran daripada 2 orang guru iaitu bapanya sendiri Mohd Hashim bin Musa yang merupakan seorang guru agama dan juga qari pada tahun 1950. Seorang lagi guru beliau dalam bidang al-Quran adalah Sheikh Ibrahim al-Ibyari dari Mesir dan menetap di Mekah yang merupakan undangan khas oleh kerajaan negeri Kedah untuk menjadi guru agama . Sheikh Ibrahim al-Ibyari telah berkahwin dengan orang Malaysia serta mendapat kerakyatan sebagai warganegara. Ia juga dipelawa jadi imam di Masjid Zahir dan juga merupakan guru agama di Maktab Mahmud Alor Setar. Maka bermula saat inilah bacaan orang Kedah mula bertukar kepada aliran *Misri* dan sebelum ini kebanyakan masyarakat mengamalkan aliran *Hijazi*. Ismail Hashim menjadi murid kesayangannya sehingga gakan apa ju bentuk irama tarannum yang dibawa oleh gurunya ini beliau mampu mengikutnya (Kassim Ahmad 2019.)

METODOLOGI KAJIAN

Bagi melengkapkan maklumat-maklumat yang diperlukan dalam kajian ini, kaedah temu bual dilaksanakan oleh pengkaji. Beberapa sesi temu bual dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan keperibadian dan latar belakang serta kaedah pengajaran oleh tokoh ini dalam ilmu tarannum di Malaysia. Pengkaji menemu bual pihak yang berautoriti dalam menjelaskan dan membincangkan tentang kajian ini. Metode ini digunakan secara terus untuk mendapatkan data dari informan yang terpilih. Dalam kajian ini, pengkaji menemu bual sebahagian tokoh dalam bidang ini bagi mendapatkan sumber di samping individu-individu lain yang mempunyai maklumat tentang tokoh ini. Maka dapat disimpulkan bahawa pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif untuk melengkapkan kajian ini.

METODOLOGI PENGAJARAN TARANNUM AL-QURAN OLEH TOKOH

Teknik Menghilangkan Gemuruh

Sebelum memulakan bacaan dalam acara tilawah al-Quran didahulukan dengan selawat kepada Rasulullah SAW dan ditekan kebahagian dada. Teknik seterusnya bagi menghilangkan gemuruh adalah memicit telinga hingga terasa panas seperti istilah kebanyakan orang suka berkata “Aku ini kalau sudah panas telinga maka aku tidak kisah kepada siapapun” maka automatik sifat gemuruh akan hilang. Terakhirnya adalah sebelum membaca al-Quran bertarannum tarik pernafasan dan melepaskannya perlahan-lahan maka akan hilanglah gemuruh tersebut (Ilias Chin 2019.)

Mendengar Lagu-lagu Nasyid Arab

Dalam pembelajarannya, beliau sangat menekankan alunan lagu-lagu yang diperdengarkan oleh orang Arab. Beliau menekan burdah-burdah yang ada dalam lagu Arab tersebut supaya diolah kembali dalam pembacaan bertarannum. Beliau juga mencampurkan irama-rama lagu Arab dari Mesir. Bahkan bukan sahaja lagu Arab sahaja diambilnya tetapi lagu Hindustan, Korea dan Jepun juga diambilnya mengikut kesesuaian dalam bertarannum.

Mengikut Bacaannya

Tarannum yang disampaikannya adalah *Bayati, Soba, Hijaz, Nahawand, Rast, Sikah* dan *Jiharakah*. Cara pengajarannya ialah beliau terlebih dahulu akan memperdengarkan bacaannya. Setelah itu, barulah pelajar-pelajar pula memperdengarkan bacaan dengan mengikut lengkap seperti apa yang diperdengarnya (Kassim Ahmad 2019.) Ketika para pelajar sedang memperdengarkan bacaan maka beliau akan menegur satu persatu jika berlaku kesalahan dalam bertarannum (Baharom Wahab 2019.). Dalam ilmu tarannum masa kini terdapat istilah tertentu untuk memantapkan bacaan secara bertarannum, namun Ismail Hashim tidak menyatakan secara jelas istilah tersebut, hanya sekadar meminta supaya menguasai dengan baik mengikut gaya dan teknik tarannum yang disampaikannya sahaja (Ilias Chin 2019.)

Susunan Harakat

Pada zaman ini beliau tidak menekankan kepentingan setiap harakat yang dialunkan asalkan ia adalah lagu tarannum yang dibawa maka dianggap memadai. Penekanan beliau hanya dengan menyebut nama lagu sahaja tanpa menerangkan harakat-harakat seperti lagu *nahawand* terbahagi kepada 5 harakat yang setiap harakat adalah berbeza-beza. Maka penerangan ini tidak berlaku melainkan dengan menyebut secara umum nama-nama lagu sahaja.

Kaedah Mengulang-Ulang Bacaan

Setelah bertalaqqi dengan beliau beberapa kali, maka beliau menyarankan agar rentak bacaan yang disampaikan diulang-ulang hingga boleh ketika pembelajaran sedang berlangsung. Jika rentak bacaan tersebut tidak mampu juga dialunkan ketika itu, maka beliau menyuruh pelajar meneruskan bacaan juga dengan diberikan nasihat supaya rentak yang masih belum mampu dialunkan dilatih di rumah sehingga mahir (Ilias Chin 2019.)

Perbetul Niat Belajar Tarannum al-Quran

Dalam bertarannum ini, beliau sentiasa menekankan keikhlasan dalam belajar dan memperdengarkan ayat suci al-Quran semata-mata kerana Allah SWT sahaja. Jangan dilihat berapakah nilai hadiah yang diberikan kepada johan peserta tilawah al-Quran. Jika mendapat jemputan bacaan al-Quran maka beliau sentiasa memenuhi hajat tuan yang menjemputnya tanpa meletakkan sebarang bayaran.

Penjagaan Suara

Bertarannum ini memerlukan suara yang bersih. Terdapat saranan beliau dalam mengawal suara iaitu rendam dalam air hingga hampir paras hidung dalam tempoh masa satu jam setiap hari bermula jam 11.00 pagi hingga 12.00 tengahari. Hal ini akan menghilangkan panas dalam badan seseorang (Ilias Chin 2019.) Dalam penjagaan suara beliau sering mengingatkan anak-anak muridnya supaya sentiasa menjauhi minuman yang berais dan menjaga waktu tidur supaya tidur cukup setiap hari (Ismail Endot 2019.)

Dalam mencapai suara yang tinggi pula, beliau selalu membuat latihan menjerit dalam air dengan suara yang paling kuat dengan memecahkan bahagian-bahagian yang tersekat untuk sampai ke kemuncak suara yang paling tinggi(Ilias Chin 2019.) Penjagaan beliau yang diamalkan sebelum membaca dalam majlis tilawah al-Quran adalah mengambil sedikit minyak cap kapak dan disumbatkan dalam hidung untuk menyegarkan suara (Ismail Endot 2019.)

Burdah Lagu

Berkaitan burdah lagu ini ada yang asli dan ada yang sinai'. Asli adalah anugerah Allah secara semulajadi dan Sinai' adalah pengolahan kreatif setiap manusia. Maka hal ini, beliau menekankan latihan pendengaran lagu-lagu Arab serta memainkan suara pada tahap paling bawah dengan menggerakkan suara supaya ia mudah ditimbulkan ketika burdah (Ismail Endot 2019.)

Istilah-Istilah Lagu

Ismail Hashim sangat hebat dalam pembacaannya. Setiap lagu yang diperdengarkan ada iramanya tersendiri. Dari istilah pula beliau tidak menggunakan istilah tarannum seperti sekarang contohnya qarar disebutnya suara rendah, Nawa disebutnya suara sederhana dan Jawab disebutnya suara tinggi. Namun apa yang diajarnya sebenarnya meliputi dalam cabang-cabang istilah tarannum masa kini cuma tidak diterangkan sahaja (Othman Azumi Ahmad 2019.)

Teknik Pernafasan

Di belakang rumah Ismail Hashim terdapat sebatang sungai. Beliau sentiasa membuat latihan pernafasan agar bacaan tidak menampakkan kelemahan dari sudut nafas. Beliau akan berendam dalam air setiap hari dengan menahan nafasnya(Kassim Ahmad 2019.) Teknik seterusnya dengan berjalan kaki serta menahan pernafasan seketika sewaktu berjalan. Amalan ini perlu dibuat tiap-tiap pagi nescaya akan bertambahlah keselesaan dalam bacaan al-Quran. Teknik seterusnya adalah ketika hendak memulakan bacaan, perlulah ditarik pernafasan perlahan-lahan serta disimpan di bahagian perut. Ketika hendak mengalunkan bacaan maka dilepaskan sikit demi sedikit (Baharom Wahab 2019 Tambahan beliau apabila minum air perlu satu nafas sahaja untuk satu gelas maka begitulah hari berikutnya (Ilias Chin 2019.)

Menguji Bacaan Murid

Setelah melalui proses bertalaqqi dengan beliau, maka Ismail Hashim akan menguji pula bacaan anak-anak muridnya. Jika berlaku kesalahan maka akan ditegurnya. Dalam sesi latihan beliau tidak menumpukan bentuk-bentuk ayat yang di akhiri dengan Mad A'ridh li al-Sukun sahaja bahkan didatangkan dengan pelbagai bentuk ayat seperti di akhiri dengan Mad I'wadh dan yang tidak mempunyai Mad langsung. Maka ini akan memahirkan anak-anak murid beliau ketika sesi ujian oleh beliau terhadap murid-muridnya (Ismail Endot 2019.)

Rujukan Qari-Qari Muktabar

Dalam pembacaan bertarannum beliau banyak mengambil contoh-contoh bacaan qari-qari arab seperti Mustafa Ismail, Siddiq Misyawi dan Abdul Basith. Bahkan beliau tidak mengikat dirinya untuk ikut sepenuhnya seperti qari Arab. Beliau sedaya upaya akan mengolah dengan megikut kesesuaianya. Maka hasilnya bacaannya sangat merdu jika dibandingkan dengan qari-qari Malaysia yang lain (Ismail Endot 2019.)

KESIMPULAN

Setelah meneliti pengajaran ilmu tarannum serta metodologi ilmu tarannum oleh tokoh ini, maka dapat dikenal pasti tokoh ini sangat hebat dan perlu diteladani oleh masyarakat. Sangat

banyak teknik pengajaran yang boleh dipelajari serta diamalkan oleh qari dan qariah di Malaysia. Dalam membentuk kualiti bacaan secara bertarannum serta terpelihara hukum-hukum tajwid maka pengkaji dapat simpulkan bahawa tidak dapat tidak ia perlu melalui satu proses *bertalaqqi* dan *musyafahah* dengan guru dan perlu mengambil masa yang agak lama supaya bacaan seseorang qari itu menampakkan kematangan serta berkualiti setaraf dengan qari-qari Arab seperti Mesir, Iran, Mekah dan Madinah.

RUJUKAN

- Anuar bin Hasin & Zulkifli Mohd Yusoff. 2014. Tathawwur Fann al-Tarannum fi Malizia: Dirasah Tarikhyyah wa ‘Ilmiyyah. *Jurnal Ma’alim al-Quran wa al-Sunnah*. 9. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*. 15(10), 180-202
- Ahmad Shafiq Mat Razali. 2018. Sejarah tokoh tarannum di Malaysia. *5th International Research Management & Innovation Conference (5th irmic 2018)* Palm Garden Hotel, Putrajaya 7 august 2018.
- Anuar Hasin. 2018. Ketokohan dan Sumbangan Ustaz Che Yahaya bin Daud dalam Bidang Tarannum al-Quran di Malaysia. *Jurnal Penyelidik dan Penyelidikan. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 16(13), 105-116
- Najmiah Omar. 2017. Sumbangan Dato’ Hajjah Rogayah binti Sulong dalam pengajaran dan pembelajaran tarannum al-Quran. *Jurnal al-Tamaddun* 12(2), 73-85
- Kassim Ahmad. 2019. Latar belakang Dato’ Ismail Hashim. Temu bual. Alor Setar, Kedah. 26 Mac.
- Yahya Daud. 1999. Peningkatan suara. Temu bual. Kota Bharu, Kelantan. 25 April.
- Othman Azumi Ahmad. 2019. Istilah dalam ilmu tarannum. Temu bual. Kampung Batu Hampar Pendang, Kedah. 20 November.
- Nik Jaafar Nik Ismail. 2019. Penghayatan bertarannum. Temu bual. Kampung Kerasak, Pasir Mas, Kelantan. 25 November.
- Abdullah Fahmi Che Ahmad @ Shukri. 2019. Rujukan qari muktabar. Temu bual. Kolej Islam Sultan Ismail Petra KIAS, Kota Bharu, Kelantan. 28 November.
- Hassan Shukri. 2019. Teknik menghilangkan gemuruh. Temu bual. Masjid Kasar, Pasir Mas, Kelantan. 25 November.
- Faridah Mat Saman. 2019. Teknik penjagaan suara. Temu bual. Kota Bharu Kelantan. 27 November.
- Md Husin Muhamad Yunus. 2019. Teknik pernafasan. Temu bual. Kampung Kedondong, Pasir Mas, Kelantan. 25 November.
- Abdul Rahim Ahmad. 2019. Pendengaran tarannum berlahjah arab. Temu bual. Kompleks Balai Islam, Kota Bharu, Kelantan, 27 November.
- Wan Hilmi Wan Abdullah. 2014. Pengaruh Tarannum Qari-qari Mesir Terhadap Qari-qari Di Malaysia, Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia